

EDRINGTON



Data Kepelbagaian Pengambilan Pekerja Malaysia - Notis dan Persetujuan

Edrington Group (The Edrington Group Limited, 100 Queen Street, Glasgow, Scotland, G1 3DN, Nombor Syarikat SC036374) ingin memenuhi matlamat dan komitmen yang ditetapkan dalam Strategi Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Keterangkuman. Hal ini termasuk tidak mendiskriminasi serta menggalakkan kesamarataan dan kepelbagaian. Untuk berbuat demikian, kami ingin membina dan mengekalkan gambaran yang tepat tentang struktur tenaga kerja melalui pemantauan kepelbagaian.

Kami ingin menyimpan data berkaitan jantina, etnik dan ketidakupayaan anda yang sah "**data kepelbagaian anda**" dalam bahagian profil calon untuk setiap keadaan sebagaimana yang dibenarkan bawah undang-undang terpakai bergantung pada lokasi tempat tinggal anda atau kekosongan. Kami akan meminta keizinan anda untuk menyimpan data kepelbagaian ini tetapi anda tidak semestinya memberikan keizinan tersebut dan pemberian maklumat adalah tidak diwajibkan.

Dengan mengklik "Simpan" atau "Gunakan" di bawah medan kepelbagaian yang terdapat dalam profil calon, anda memilih untuk memberikan data kepelbagaian anda secara sukarela semasa memohon jawatan di Edrington - ini adalah pilihan anda semata-mata. Setiap kategori mempunyai pilihan "memilih untuk tidak menjawab" dan jika anda tidak membenarkan Edrington memproses data ini, anda perlu memilih pilihan ini bagi setiap medan data kepelbagaian yang disediakan. Jika anda melengkapkan sebarang medan data kepelbagaian yang ada, tetapi tidak memberikan keizinan, Edrington akan memadam maklumat ini dalam masa tiga hari selepas diterima.

Dengan melengkapkan pernyataan keizinan di bawah, anda memilih untuk memberikan data kepelbagaian secara sukarela semasa memohon jawatan di Edrington - ini adalah pilihan anda semata-mata.

Data kepelbagaian yang diberikan (atau tidak diberikan) tidak boleh diakses oleh sesiapa yang terlibat dalam proses pengambilan pekerja (termasuk pengurus pengambilan atau pasukan pemerolehan bakat). Data ini juga tidak akan mempengaruhi proses atau keputusan permohonan anda.

Jika anda membenarkan dan memberikan data kepelbagaian anda, data ini boleh diakses pada tahap yang boleh dikenal pasti oleh Pengurus Global DE&I kami dan sebilangan kecil pentadbir sistem HR. Mereka akan memproses maklumat ini hanya untuk pelaporan agregat tanpa nama bagi tujuan kepelbagaian dalaman dan pemantauan keterangkuman. Laporan ini akan dikongsi dengan pihak berkepentingan dalaman yang berkaitan bagi membantu Edrington memahami dan meningkatkan ciri

EDRINGTON



kepelbagaian kami sebagai sebuah syarikat. Jika anda berjaya mendapat pekerjaan di syarikat kami, data kepelbagaian anda juga boleh dilihat oleh sebilangan pengguna HR bagi melengkapkan proses suai tugas dalam tempoh masa yang terhad. Ini bermaksud, data anda mungkin akan dipindahkan ke United Kingdom.

Jika anda mahu menarik balik keizinan pemprosesan data kepelbagaian anda oleh Edrington, anda boleh melakukan ini pada bila-bila masa dengan memadamkan data daripada profil calon atau dengan menghubungi dataprotection@edrington.com.

Sila lihat [Dasar Privasi Pengambilan Pekerja Kami](#) yang berkaitan untuk maklumat lanjut berhubung cara Edrington memproses data peribadi anda.

PERSETUJUAN

Sila tandakan kotak berkaitan semasa permohonan anda jika anda membenarkan Edrington (M) SDN BHD dan Edrington Group mengumpul dan menyimpan maklumat berkaitan jantina, etnik dan ketidakupayaan yang sah bagi tujuan pemantauan kepelbagaian.

EDRINGTON



Malaysia Recruitment Diversity Data – Notice and Consent

Edrington Group (The Edrington Group Limited, 100 Queen Street, Glasgow, Scotland, G1 3DN, Company Number SC036374) wants to meet the aims and commitments set out in its Diversity, Equity, and Inclusion Strategy. This includes not discriminating and encouraging equality and diversity. In order to do so, we want to build up and maintain an accurate picture of the make-up of the workforce through diversity monitoring.

We would like to hold data regarding your legal gender, ethnicity and disability "**your diversity data**" in this section of your candidate profile, in each case as permitted under applicable laws depending on the location of where you reside or the vacancy. We will ask for your consent to holding your diversity data but you do not have to consent to this and it is not mandatory to provide any information.

By clicking "Save" or "Apply" below the available diversity fields in your candidate profile, you are choosing to provide, on a voluntary basis, your diversity data in the course of your application for a role at Edrington – it is entirely optional. Each category has a "prefer not to say" option and you should select this for each of the diversity data fields available if you do not consent to Edrington processing this data. If you complete any of the diversity data fields available but do not provide your consent, Edrington will delete this information upon receipt within three days.

By completing the consent statement below, you are choosing to provide, on a voluntary basis, diversity data in the course of your application for a role at Edrington – it is entirely optional.

No diversity data you provide (or choose not to provide) will be accessible to anyone involved in the recruitment process (including any hiring managers or the talent acquisition team), nor will it be used influence your application process or outcome in any way.

If you give consent and provide your diversity data, this will be accessible at an identifiable level by our Global DE&I Manager and a small number of HR system administrators, who will process this information solely for the purpose of creating aggregated, anonymised reports for internal diversity and inclusion monitoring purposes, which will be shared with relevant internal stakeholders to help Edrington to understand and increase our diversity as a company. If you are successful in securing a role with us, your diversity data may also be available to a limited number of HR users, for a limited

EDRINGTON



period of time, to complete the onboarding process. This means that your data may be transferred to the United Kingdom.

If you would like to withdraw your consent to Edrington processing your diversity data, you may do so at any time by deleting this from your candidate profile or by contacting dataprotection@edrington.com.

Please see the relevant [Our People Recruitment Privacy Policy](#) for further information on how Edrington processes your personal data.

CONSENT

Please tick the relevant box in your application if you give permission to Edrington (M) SDN BHD and Edrington Group to collect and retain information relating to legal gender, ethnicity and disability for the purposes of diversity monitoring.